

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SERTA MERTA

PROGRAM BIZFRANCAIS PERAK 2023 SEDIAKAN PLATFORM BANTU USAHAWAN MELALUI PERNIAGAAN FRANCAIS

IPOH, 18 JUN 2023 – Perbadanan Nasional Berhad (Pernas), agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) memperhebatkan usaha bagi membangun serta mempertingkatkan lagi peluang keusahawanan di negeri Perak dengan penganjuran Program BizFrancais Perak 2023. dengan sasaran potensi pembiayaan sebanyak **RM3.68 juta**.

Program yang berlangsung di Hotel Casuarina@Meru, Ipoh ini merupakan yang julung kali dianjurkan di negeri Perak dan ianya juga adalah destinasi pertama bagi siri jelajah Program BizFrancais pada tahun 2023. Program BizFrancais telah diperkenalkan sejak tahun 2019 di mana Pernas telah menganjurkan 16 siri program BizFrancais dan pada tahun ini, Program BizFrancais akan diadakan di enam (6) lokasi iaitu Perak, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Johor dan Pahang.

Sejak Program BizFrancais diperkenalkan, Pernas telah meluluskan pembiayaan sebanyak **RM14.94 juta**. Manakala untuk usahawan di negeri Perak, sejak tahun 2004 sehingga kini, Pernas telah membiaya sebanyak **RM17.6 juta**.

Menurut YBhg. Dato' Hazimah Zainuddin, Pengerusi Pernas, Program BizFrancais adalah satu platform untuk memberi pendedahan serta kesedaran kepada orang ramai mengenai perniagaan francais dan mempromosi Pernas sebagai sebuah agensi kerajaan yang diberi mandat untuk meningkatkan industri francais negara yang menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan. Selain itu, memberi peluang kepada orang ramai untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan.

Bagi program BizFrancais Perak 2023, Pernas turut menyasarkan empat (4) pendaftaran syarikat program Business In Transformation (BIT) iaitu sebuah program Pernas yang membuka peluang kepada perniagaan kecil dan sederhana untuk menjadi perniagaan francais.

Pada program yang sama, satu sesi menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) di antara Pernas dan Universiti Sultan Abdul Aziz (USAS) telah berlangsung bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar universiti dan graduan mengenai ekosistem francais.

YBhg. Dato' Hazimah Zainuddin turut menyatakan bahawa Pernas akan menyediakan latihan modal insan dan konsultasi peniagaan, latihan keusahawanan, pembangunan perniagaan serta francais dan latihan industri kepada pelajar dan graduan USAS. MoU pada hari ini juga menjadi titik permulaan kepada Pernas untuk mengadakan kerjasama dengan universiti lain pada masa hadapan.

Selain itu, turut berlangsung sesi penyampaian cek replika, sijil penghargaan kepada peserta Xcelerator, Program Pembangunan Francais serta surat tawaran program BIT Pernas.

Pernas turut menyampaikan sumbangan barang keperluan kepada golongan asnaf sempena program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Pernas Prihatin. Program ini memanfaatkan 200 penerima asnaf di sekitar Perak dengan kerjasama Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak (MAIPk).

Program BizFrancais Perak 2023 ini telah dirasmikan oleh YB Puan Salbiah binti Mohamed, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Koperasi dan Pembangunan Usahawan Negeri Perak. Turut hadir YBhg. Dato' Abu Bakar As-Sidek Dato' Haji Mohd Sidek, Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Pernas.

Untuk urusan media, sila hubungi: Nurzahirah Md. Zamri, Jabatan Komunikasi Strategik Pernas melalui emel, nurzahirah.zamri@pernas.my atau hubungi talian 03-2082 7788 samb. 7949.

PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)

Pernas adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan ditubuhkan pada 29 November 1969 yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MOF Inc.) dengan mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia.

Mulai 2004, Pernas mempunyai sasaran untuk menerajui perkembangan industri francais di Malaysia dan membangunkan jumlah usahawan francais, melalui kepakarannya dengan menawarkan perkhidmatan serta produk-produk yang berkualiti seperti berikut:

1. Skim pembiayaan yang merangkumi semua keperluan perniagaan termasuk perbelanjaan modal dan keperluan modal kerja;
2. Pembiayaan dan pelaburan ekuiti untuk membantu meningkatkan pemilikan ekuiti bumiputera dalam sektor francais strategik; dan
3. Khidmat latihan, bimbingan dan konsultasi untuk pembangunan usahawan ke arah perniagaan francais.

Pernas menyediakan khidmat latihan dan skim khas untuk francaisor dan francaisi dan mengalu-alukan rakan-rakan francais ke Malaysia. Selain itu, Pernas juga menawarkan perkhidmatan lain seperti latihan, penyewaan ruang runcit, pelaburan & pembiayaan hartanah (berkaitan dengan francais) dan pelaburan ekuiti.

Berpusat di Ibu Pejabat di Bangsar South, Pernas juga mempunyai lima pejabat koridor iaitu Pejabat Koridor Utara, Pejabat Koridor Pantai Timur, Pejabat Koridor Selatan, Pejabat Koridor Sabah dan Pejabat Koridor Sarawak yang bersedia menjalankan peranan mereka dalam membangunkan lebih ramai francaisor dan francaisi.